

Bebas buat tafsiran: PM

B.H. 27 AUG 1993

CUKAI (Kemaman), Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sesiapa saja bebas membuat apa-apa interpretasi terhadap kenyataannya menjelang pemilihan Umno November ini.

"Adalah menjadi hak mereka (rakyat) dalam negara yang bebas untuk membuat apa-apa interpretasi.

"Kadang-kadang saya kata tidak, mereka kata ia bermaksud ya, bila saya kata ya, mereka kata ia bermakna tidak," kata beliau pada persidangan akhbar selepas merasmikan Kilang Perabot Pasang Siap Pesama-MK Furniture Sdn Bhd di sini.

Dr Mahathir ditanya mengenai pelbagai interpretasi yang dilakukan terhadap kenyataan dan tindakannya menjelang perhimpunan agung Umno itu.

Perdana Menteri juga mengakui bahawa yang turut menjadi masalah ialah kecenderungan media massa untuk mencondongkan laporan mereka.

Mengenai tanggungjawab Kemas, Dr Mahathir berkata, tugas Kemas untuk menjelaskan dasar kerajaan kepada rakyat bagi memastikan ketuhanan kerajaan dipertahankan dan bukannya berkempen bagi individu tertentu.

Katanya, Kemas memang bertanggungjawab menerangkan kepada rakyat usaha yang dijalankan oleh kerajaan kerana ia adalah bidang tugas badan itu.

"Kemas perlu mempertahankan kerajaan dan bukannya mempertahankan individu dalam kerajaan ataupun orang tertentu.

"Kalau Kemas kata wakil calon ini baik atau apa semua, itu lainlah. Kemas cuma menerangkan apa yang kerajaan buat," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan pemberita untuk menjelaskan fungsi sebenar Kemas yang didakwa berkem-

Rakyat bebas buat tafsiran

B.H. 27 AUG 1993

DARI MUKA 1

pen untuk Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya kecil Batu Talam di Pahang.

Menurutnya, Kemas bukannya berkempen untuk parti politik tetapi menjelaskan dasar kerajaan kepada orang ramai setiap masa.

Mengenai arahan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid semalam, yang tidak membenarkan penggunaan kemudahan agensi kerajaan untuk tujuan kempen politik, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan menjelaskan apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh pegawai kerajaan.

"Kalau ia bertentangan dengan apa yang disebut oleh Ketua Setiausaha Negara, tak bolehlah. Ini bukan saja Kemas tetapi orang lain juga.

"Kenyataan Ahmad Sarji tidak ditujukan kepada pihak tertentu saja tetapi kepada semua," katanya.

Mengenai kenyataan

Timbalan Presiden Umno, Ghafar Baba, semalam yang akan tetap mempertahankan jawatannya, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata beliau tidak ada apa untuk diperkatakan.

Katanya, beliau sudahpun menyatakan pendiriannya selepas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan kesediaannya menerima pencalonan untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno dalam pemilihan parti November ini.

Dalam kenyataannya Isnin lalu, Perdana Menteri menyatakan beliau berharap seorang daripada calon Timbalan Presiden Umno menarik diri untuk mengelak pertandingan.

Ditanya sama ada kenyataan Ghafar memberi kesan kepada hasratnya untuk mengelakkan pertandingan, Dr Mahathir berkata: "Saya kata 'kalau boleh', kalau tak boleh, apa nak buat."

LIHAT MUKA 2